



* Untuk maklumat lanjut, sila rujuk wakil atau pengedar SHOEI tempatan anda.

shoei.com/worldwide/sales.html



SHOEI CO., LTD.

HEAD OFFICE

1-31-7 Taito, Taito-ku, Tokyo 110-0016, JAPAN
Tel: +81 3 5688 5170 Fax: +81 3 3837 8245

www.shoei.com

Arahan penggunaan

Terima kasih kerana membeli topi keledar SHOEI ini. Baca buku panduan ini dengan teliti sebelum penggunaan dan simpan buku panduan ini untuk rujukan masa depan. Buku panduan ini mengandungi maklumat penting bagi membantu anda memahami fungsi produk dan arahan penggunaan agar anda dapat menikmati kehidupan bermotosikal yang selamat dan selesa. Wakil atau pengedar SHOEI anda boleh menggantikan buku panduan anda jika buku ini hilang. Kandungan dalam buku panduan ini adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis.

Ilustrasi dalam buku panduan ini mungkin berbeza daripada produk sebenar.

Hak cipta untuk manual ini milik SHOEI CO., LTD. Pengeluaran semula atau penyalinan buku panduan ini tanpa kebenaran adalah dilarang sama sekali.

Bahasa Melayu

1-17

Bahasa Melayu

Baca Buku Panduan Arahan Ini Terlebih Dahulu	2
Sahkan Item yang Dibungkus	3
Perihalan Bahagian	4
Pelindung CJ-4	6
Notis Penting tentang Pengendalian Pelindung CJ-4	10
Klip untuk Pemasangan Visor	10
Pelekat Pantulan Cahaya	11
Menggantikan Bahagian Dalam	12
Cara Menanggalkan dan Memasang Bahagian Dalam	13
Notis Penting tentang Pengendalian Bahagian Dalam	15
Peringatan Lain	16
Senarai Bahagian	17

Baca Buku Panduan Arahan Ini Terlebih Dahulu

Produk ini ialah sebuah topi keledar motosikal.

Gunakan topi keledar ini bagi tujuan menunggang motosikal sahaja. Jika anda menggunakan topi keledar ini bagi tujuan lain, ia mungkin tidak memberikan perlindungan yang mencukupi jika berlaku kemalangan.

Tiada topi keledar yang boleh melindungi pemakai sepenuhnya daripada semua kemungkinan kesan linear atau putaran yang mungkin berlaku pada kelajuan tinggi atau rendah.

Bagi perlindungan kepala yang maksimum, topi keledar hendaklah dipakai dengan betul dan sistem pengekalan hendaklah diketatkan di bawah dagu. Topi keledar hendaklah membenarkan pandangan persisian secukupnya apabila dipakai di kepala anda. Jika topi keledar anda terlalu besar, ia boleh meluncur pada kepala anda semasa menunggang menyebabkan topi keledar anda menghalang penglihatan anda atau tercabut dalam kemalangan yang mengakibatkan kecederaan diri atau kematian. Untuk mengetahui cara memakai dan mengetatkan topi keledar anda dengan betul, lihat buku kecil "Arahan Keselamatan".

Kandungan dalam buku panduan ini adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis.

Ilustrasi dalam buku panduan ini mungkin berbeza daripada produk sebenar.


Hak cipta untuk buku panduan ini milik SHOEI CO., LTD.

Pengeluaran semula atau penyalinan buku panduan ini tanpa kebenaran adalah dilarang sama sekali.

Sahkan Item yang Dibungkus

Selepas membuka kotak produk, sila sahkan bahawa semua bahagian dan aksesori adalah lengkap.



1. Topi keledar
2. Beg Topi Keledar
3. Arahan Keselamatan
4. Label Amaran (Tag E-3: untuk Produk ECE R22)
5. Pelekat logo J·O2



Kami mencadangkan anda menyimpan kotak dan bahan pengkusyen sekiranya anda perlu menghantar produk atau alat ganti untuk dibaik pulih. Jika anda mahu melupuskan bahan ini, sila ikut undang-undang dan peraturan yang betul.



Perihal Bahagian

1. Pelindung CJ-4
2. Klip
3. Rel Pelindung
4. Kelompang
5. Pelapik Penyerap Impak
6. Tali Gogal
7. Pengikat Dagu
8. Tuil Pratetap




Istilah "kanan" dan "kiri" dalam buku panduan ini merujuk kepada perspektif "kanan" dan "kiri" seperti yang dilihat oleh penunggang yang memakai topi keledar.

Tali gogal

Rel pelindung
Tuil pratetap


Sebelum menggunakan pelindung buat kali pertama, tanggalkan bahan pengkusyen yang mengikat pelindung, yang diletakkan di antara kelompang dan pelapik.




Pelindung CJ-4

Cara Melaraskan Pelindung

Tuil pratetap boleh dilaraskan dalam empat langkah, dari kedudukan 0 hingga 3. Kedudukan 0 digunakan untuk menanggalkan dan memasang pelindung, manakala kedudukan 1 hingga 3 digunakan untuk melaraskan bahagian bawah pelindung. Dengan menetapkan tuil pratetap ke kedudukan 1 hingga 3, kedudukan bahagian bawah pelindung boleh dilaraskan seperti yang ditunjukkan dalam lukisan di bawah.



Untuk melaraskan ketinggian tuil pratetap, mula-mula angkat pelindung, tolak tuil pratetap ke luar untuk membuka, kemudian gerakkan ke atas atau ke bawah sehingga sejajar dengan gear. **Apabila melaraskan ketinggian tuil pratetap, pastikan kedua-dua bahagian kiri dan kanan ditetapkan pada kedudukan yang sama.**







Cara Menanggalkan Pelindung CJ-4

1. Buka pelindung tersebut ke kedudukan terbuka sepenuhnya (Lukisan 1).
2. Sambil menolak tuil pratetap kiri dan kanan ke luar untuk membuka pelindung, turunkan tuil ke kedudukan 0, iaitu satu langkah di bawah kedudukan 1, lebih rendah daripada gear paling bawah (Lukisan 2).
3. Turunkan pelindung ke kedudukan 0.
4. Angkat tab A pada rel pelindung untuk lepaskan (Lukisan 3) dan tarik pelindung ke arah anda untuk tanggalkan (Lukisan 4).
Jika sukar untuk mengangkat tab A, anda boleh memasukkan pemutar skru kepala rata yang dibalut dengan kain di bawah tab untuk angkat dan lepaskan. Berhati-hati agar tidak mencalarakan pelindung semasa proses ini.
5. Tanggalkan sebelah yang lain dengan cara yang sama.








Jangan simpan topi keledar dengan tuil pratetap dibiarkan di kedudukan 0, yang berada di luar tetapan gear terendah. Tindakan ini mungkin akan menyebabkan tuil pratetap berubah bentuk.



Cara Memasangkan Pelindung CJ-4

1. Turunkan tuil pratetap kiri dan kanan ke kedudukan 0 (Lukisan 5).
2. Semasa memasukkan pelindung ke dalam rel pelindung, pasanglah cangkuk pelindung ke dalam lubang pada tab A sehingga berbunyi klik (Lukisan 6).
3. Pasangkan sebelah yang lain dengan cara yang sama.
4. Selepas memasang pelindung, buka sepenuhnya dan laraskan tuil pratetap ke mana-mana kedudukan antara 1 dan 3 sebelum digunakan.

Terdapat tab di hujung bawah rel pelindung (Lukisan 7). Jika rel pelindung masuk ke dalam celah antara kelompang dan pelapik (ruang penyimpanan pelindung), cangkukkan tab menggunakan jari anda untuk menurunkan rel pelindung (Lukisan 8). Jika sukar untuk menurunkan rel pelindung dengan jari anda, gunakan pemutar skru rata atau alat seumpamanya yang dibalut dengan kain (Lukisan 9).



AMARAN

Baca arahan dan amaran dalam manual pemilik dengan teliti sebelum menggunakan pelindung. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa penggunaan pelindung anda mematuhi mana-mana undang-undang negara atau tempatan.

- Nisbah kepancaran cahaya pelindung berwarna gelap (Dark Smoke) dan bercermin (Spectra) adalah kurang daripada keperluan ECE R22/06. Walau bagaimanapun, apabila digunakan untuk tempoh yang lama dalam cahaya matahari yang kuat semasa menunggang di litar, ia boleh mengurangkan keletihan mata dengan lebih berkesan berbanding dengan pelindung yang dibenarkan.
- Pelindung berwarna atau bercermin mengurangkan kepancaran cahaya dan boleh menjejaskan penglihatan penunggang dalam keadaan tertentu yang meningkatkan kemungkinan kemalangan yang mengakibatkan kecederaan atau kematian.
- Jangan sekali-kali gunakan pelindung berwarna atau bercermin pada waktu malam, dalam terowong, dalam hujan atau kabus, atau dalam keadaan lain yang kebolehlihatan rendah. Pelindung ini bertujuan untuk kegunaan pada siang hari sahaja.
- Jangan gunakan pelindung berwarna atau bercermin bersama-sama visor matahari dalaman topi keledar, cermin mata hitam atau sebarang produk lain yang mengurangkan kepancaran cahaya. Tindakan ini boleh menghalang pandangan anda dan boleh menjadi sangat berbahaya.

Jika pelindung yang berwarna atau bercermin digunakan bersama dengan visor matahari di AS, keperluan nisbah penghantaran cahaya yang dinyatakan dalam VESC-8* tidak dipenuhi. Jangan menggunakan pelindung yang berwarna atau bercermin bersama dengan visor matahari. Jika tidak, penglihatan anda yang dihalang oleh pelindung berwarna atau bercermin boleh menyebabkan kemalangan dan kecederaan serius atau kematian.

VESC-8: Vehicle Equipment Safety Commission regulation No. 8 for motorcyclist eye protection (Peraturan Suruhanjaya Keselamatan Peralatan Kenderaan No. 8 untuk perlindungan mata penunggang motosikal). Piawaian ini dirujuk dan digunakan secara meluas di 36 negeri di A.S. bersama dengan undang-undang berkenaan perlindungan mata penunggang motosikal.


Notis Penting tentang Pengendalian Pelindung CJ-4

- Jika pelindung basah akibat hujan, tanggalkan pelindung, keringkan sepenuhnya, dan kemudian pasang semula pada topi keledar untuk disimpan.
- Kotoran dan calar pada pelindung boleh menghalang pandangan anda semasa menunggang dan boleh menjadi sangat berbahaya! Jika pelindung menjadi kotor atau tercalar, hentikan penggunaan pelindung dengan segera. Tanggalkan pelindung dan bersihkan atau gantikan pelindung tersebut. Kesan salutan pada pelindung bercermin mungkin cepat merosot bergantung pada keadaan penggunaan. Semasa membersihkannya, basuh dengan lembut menggunakan air tulen sahaja.
- Pelindung hendaklah dibersihkan dengan larutan sabun yang tidak begitu kuat dan neutral serta air. Bilas dengan air bersih, kemudian lap sehingga kering menggunakan kain lembut. **Jangan guna mana-mana bahan pencuci berikut: air panas melebihi 40°C; air garam; sebarang bahan pencuci berasid atau beralkali; benzina, pencair, gasolin, atau pelarut organik lain; pencuci kaca; atau sebarang pencuci yang mengandungi pelarut organik.** Jika mana-mana bahan ini digunakan, sifat pelindung mungkin berubah dan keselamatan mungkin terjejas.
- Jangan menunggang sambil memakai pelindung yang berkabus. Tindakan ini boleh menghalang pandangan anda dan boleh menjadi sangat berbahaya. Jika pelindung berkabus, buka pelindung untuk mengalirkan udara ke dalam topi keledar dan menghilangkan kabus.
- Jangan letakkan pelekat atau pita pelekat pada pelindung.


Klip untuk Pemasangan Visor

Tiga klip di dahi bertujuan untuk memasang visor pilihan. Untuk memasang visor, sambungkan klip visor dengan klip pada topi keledar seperti yang ditunjukkan dalam lukisan.

Ambil Perhatian: Sila beli salah satu jenis visor pilihan daripada SHOEI.




Pelekat Pantulan Cahaya



AMARAN

Pelekat pantulan cahaya mungkin diperlukan untuk topi keledar bergantung pada negara atau kawasan. Jika menggunakan topi keledar di negara atau kawasan sedemikian, letakkan pelekat pantulan cahaya pada kedudukan yang ditunjukkan dalam lukisan. Sebelum meletakkan pelekat, bersihkan topi keledar untuk menanggalkan sebarang minyak atau kotoran dari permukaan topi keledar.

Menggantian Bahagian Dalam



Lapik tengah, lapik pipi (kedua-dua belah) dan penutup pengikat daggu (kedua-dua belah) boleh ditanggalkan untuk dicuci. Anda juga boleh melaraskan tahap keselesaan dengan menggantikan lapik di atas dengan lapik pilihan. Rujuk senarai dan lukisan bahagian dalam, pastikan pemasangan dan penanggalkan dilakukan dengan selamat. Pastikan anda sentiasa memakai lapik tengah, lapik pipi, penutup pengikat daggu apabila menggunakan topi keledar. Apabila menggantikan bahagian dalam, rujuk jadual berikut dan beli saiz yang betul.

Saiz Lapik

Saiz Topi Keledar		S	M	L	XL
Lapik Tengah	Standard	S5D	M5D	L5D	XL5D
Lapik Pipi	Pilihan (Muat ketat)	39	39	39	39
	Standard	35	35	35	35
	Pilihan (Muat longgar)	31	31	31	31

- Lapik pipi diseragamkan untuk semua saiz topi keledar. Sebagai contoh, jika anda ingin melonggarkan bahagian pipi topi keledar saiz M, gantikan lapik pipi dengan lapik pipi 31. Jika anda ingin mengetatkan bahagian pipi, gantikan lapik pipi dengan lapik pipi 39 (kedua-duanya adalah bahagian pilihan).
- Lapik tengah adalah berbeza untuk setiap saiz topi keledar. Sila periksa saiz topi keledar anda semasa pembelian.

Cara Menanggalkan dan Memasang Bahagian Dalam

Cara Menanggalkan Bahagian Dalam

1. Menanggalkan Lapik Pipi







Longgarkan tiga klip untuk menanggalkan lapik pipi dari tapak lapik pipi (Lukisan 1). Tanggalkan sebelah yang lain dengan cara yang sama.

2. Menanggalkan Lapik Tengah

Selepas menanggalkan kedua-dua klip penutup kepala belakang (Lukisan 2), tanggalkan tiga klip pada bahagian penutup kepala hadapan dan tarik keluar plat tersebut (Lukisan 3), kemudian keluarkan lapik tengah.

3. Menanggalkan Penutup Pengikat Daggu

Untuk menanggalkan penutup pengikat daggu, tanggalkan lapik pipi, buka klip penutup pengikat daggu, dan tarik penutup pengikat daggu dari pengikat daggu (Lukisan 4). Tanggalkan sebelah yang lain dengan cara yang sama.



⚠ AMARAN

Elakkan menyentuh skru pada tapak lapik pipi (Lukisan 5), kerana ini boleh menyebabkan bahagian dalam tertanggal.

Cara Memasang Bahagian Dalam

1. Memasang Penutup Pengikat Daggu

Bentuk penutup pengikat daggu kiri dan kanan adalah berbeza. Sambil merujuk kepada Lukisan 6, sahkan bahagian kiri dan kanan penutup pengikat daggu, kemudian lakukan setiap penutup melalui pengikat daggu dan tekan butang klip sehingga berbunyi klik.

2. Memasang Lapik Tengah

Angkat penutup bahagian hadapan penutup kepala dan masukkan plat lapik tengah. Apabila melakukan ini, tolak sepenuhnya kedua-dua hujung plat seperti yang ditunjukkan dalam Lukisan 8 supaya tidak terkeluar, kemudian tekan tiga klip sehingga berbunyi klik (Lukisan 7). Klik kedua-dua klip ke tempat di belakang lapik tengah (Lukisan 9).

3. Memasang Lapik Pipi

Sebelum memulakan prosedur, pastikan ketiga-tiga klip berada dalam kedudukan yang betul seperti yang ditunjukkan dalam Lukisan 10. Jika kedudukan tidak betul, klip mungkin tidak diikat dengan ketat.

Sebelum memasang lapik pipi, pastikan bahagian kiri dan kanan.









Masukkan pengikat daggu melalui bahagian berongga pada lapik pipi yang berkaitan dan tekan tiga klip hingga terpasang (Lukisan 11). Tekan bahagian atas klip dengan kuat dari sisi lapik sehingga klip berbunyi klik pada tempatnya. Pasang lapik pipi yang bertentangan dengan cara yang sama.



Penutup Pengikat Daggu (Kanan)



Penutup Pengikat Daggu (Kiri)



Notis Penting tentang Pengendalian Bahagian Dalam

- Semasa proses menanggalkan atau memasang semula, kendalikan bahagian dalam dengan berhati-hati agar tidak rosak. Apabila memasang atau menanggalkan plat, anda harus memegang plat berhampiran klip atau lapik berhampiran plat. Apabila memasang atau menanggalkan klip, anda juga harus memegang klip berhampiran kawasan yang dipasang. Ketatkan klip dengan kuat sehingga mengeluarkan bunyi klik.
- Anda boleh membersihkan bahagian dalam dengan membersihkan menggunakan tangan atau menggunakan mesin basuh selepas memasukkannya di dalam net dobi. Lakukannya dengan berhati-hati ketika mencuci. Gunakan air sejuk atau suam dengan detergen cucian neutral untuk mencuci, dan kemudian bilas bahagian tersebut dengan air bersih. Perah perlahan-lahan bahagian dengan tuala kering dan jemur di tempat teduh. Untuk mencegah kerosakan pada kawasan plastik bahagian dalam, jangan perah dengan kuat dan jangan lipat atau bengkokkan kawasan plastik. Berhati-hati jika anda menggunakan pemutar pakaian. Jangan keringkan bahagian dalam dengan pengering pakaian, pengering rambut atau apa-apa jenis pengering mekanikal lain, kerana haba boleh merosakkan bahan. Pelapik penyerap impak (bahagian busa polistirena) hendaklah dibasahkan dengan kain lembut yang dicelup di dalam larutan sabun dan air yang tidak berapa kuat, kemudian lap. Biarkan pelapik penyerap impak kering di tempat teduh. Jangan keringkan pelapik penyerap impak di bawah sinaran matahari atau guna jenis pengering mekanikal, kerana pelapik penyerap impak sangat sensitif terhadap haba. Jika pelapik penyerap impak terdedah kepada haba yang tinggi, hubungi pengedar atau SHOEI secara terus untuk mendapatkan penilaian keselamatan. Untuk mengelakkan kerosakkan, **jangan guna mana-mana bahan pencuci berikut: air panas melebihi 40 °C; air garam; sebarang bahan pencuci berasid atau beralkali; benzina, pencair, gasolin, atau pelarut organik lain; pencuci kaca; atau sebarang pencuci yang mengandungi pelarut organik.**
- Selepas anda menggunakan topi keledar atau mencuci bahagian dalam, atau apabila bahagian dalam basah, keringkan segera. Membiarkan bahagian dalam dalam keadaan lembap boleh menyebabkan klip logam berkarat, rosak atau melekat.

Peringatan Lain



AMARAN

- Sebelum digunakan, pastikan cangkuk di kedua-dua sisi pelindung terpasang dengan kukuh dalam rel.
- Pastikan anda sentiasa memakai lapik tengah, lapik pipi, penutup pengikat dagu apabila menggunakan topi keledar.
- Apabila membersihkan dan menjaga topi keledar dan pelindung, jangan guna mana-mana bahan pencuci berikut: air panas melebihi 40 °C; air garam; sebarang bahan pencuci berasid atau beralkali; benzina, pencair, gasolin, atau pelarut organik lain; pencuci kaca; atau sebarang pencuci yang mengandungi pelarut organik. Jika mana-mana pencuci ini digunakan, sifat semula jadi bahan kimia pada topi keledar mungkin berubah dan keselamatan mungkin terhalang.
- Jika serangga terperangkap pada topi keledar semasa tunggangan dan tertinggal di situ, permukaan topi keledar mungkin terhakis. Buang serangga tersebut dengan segera.
- Pastikan anda menggunakan bahagian SHOEI yang asli apabila menggantikan pelindung atau bahagian dalam.
- Jangan bawa topi keledar dengan memegang tali gogal.

Senarai Bahagian

Ini adalah bahagian pilihan yang boleh didapati untuk pembaikan atau penggantian. Sebelum menggantikan bahagian, baca dengan teliti buku panduan arahan yang disediakan.

- Pelindung CJ-4
- Lapik Tengah J-O2
- Lapik Pipi J-O (set kiri dan kanan)
- Penutup Pengikat Daggu J-O2 (set kiri dan kanan)